



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM TIDAK TERLIBAT DALAM URUSAN PEMBAYARAN BR1M

Cyberjaya, 19 Januari – Sempena pengendalian program bantuan kewangan oleh kerajaan, LHDNM dipertanggungjawabkan untuk membantu dalam perlaksanaan program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dalam aspek penerimaan dan pendaftaran semua borang permohonan BR1M.

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini LHDNM dihujani dengan pertanyaan mengenai status permohonan BR1M dan baucer tunai oleh orang awam yang menghubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan dan turut hadir ke cawangan-cawangan LHDNM yang berdekatan. Hal ini disebabkan, terdapat kekeliruan oleh orang awam yang timbul mengenai isu penerimaan baucer tunai dan pembayaran RM 500.

Mengulas mengenai satu aduan rakyat yang disiarkan dalam ruangan r@kan BH yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian pada 17 Januari yang lalu, LHDNM ingin menegaskan bahawa mekanisme pembayaran merupakan urusan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) bagi negeri-negeri selain Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan. Bagi empat negeri yang dinyatakan di atas, mekanisme pembayaran akan diuruskan oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan(JPP) negeri masing-masing.

Sejurus selepas permohonan didaftarkan oleh LHDNM, maklumat ini akan disalurkan kepada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan(JPP) setiap negeri. Dengan maklumat ini urusan pembayaran akan diatur oleh SUK / JPP di mana surat makluman status permohonan BR1M akan dikeluarkan kepada semua pemohon termasuk pemohon yang tidak layak. Bagi pemohon yang layak, penyerahan Baucer Tunai kepada pemohon dibuat oleh pejabat yang berkenaan mengikut kawasan Parlimen / Adun yang dinyatakan di dalam surat pemakluman tersebut. Orang ramai dinasihatkan tidak berkunjung ke cawangan LHDNM untuk mendapatkan surat pemakluman ataupun baucer tunai.

Justeru, kami berharap penjelasan ini dapat membantu orang ramai agar mendapat maklumat yang tepat berkenaan mekanisme pembayaran bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul kebelakangan ini. Sungguhpun begitu, orang ramai masih boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan, LHDNM di talian 1-300-88-3010 untuk mengetahui status permohonan BR1M mereka selain daripada hotline Kementerian Kewangan 1-800-222-500.

SEKIAN, TERIMA KASIH

#

Dikeluarkan oleh	:	Nor Azirah Mohd Said Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	19 Januari 2012
Nombor Telefon	:	03-83138838
Nombor Faks	:	03-8313 7834
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my